

# 'Perbincangan empat mata' di rumah Tunku

BSS 12 NOV 1989

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengadakan perbincangan dengan Tunku Abdul Rahman Putra mengenai perpaduan Melayu, di sini, semalam.

Perbincangan kira-kira setengah jam itu diadakan di Rumah Tunku di Jalan Tunku.

Tidak ada kenyataan rasmi dikeluarkan mengenai pertemuan itu.

Difahamkan, Perdana Menteri bertukar-tukar pendapat dengan Tunku, yang juga Penasihat Semangat 46, khususnya membabitkan kepentingan masa depan perpaduan bangsa.

Perdana Menteri yang tiba pada jam 11.18 pagi meninggalkan rumah itu pada jam 12.05 tengah hari.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Encik Jalaludin Bahaudin, berkata "pertemuan empat mata" itu diadakan dalam suasana cukup mesra dan kedua-duanya sentiasa riang ketika berbincang.

"Tidak ada orang lain yang hadir dalam pertemuan itu kecuali Perdana Menteri dan Tunku saja," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Naib Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Napsiah Omar yang sama-sama tiba dengan Datuk Seri Dr Mahathir tidak menyertai pertemuan itu.

Bagaimanapun, mereka menemui

Tunku selama kira-kira 15 minit selepas Perdana Menteri keluar meninggalkan kediaman Tunku.

Datuk Seri Najib dan Datuk Napsiah bersama Exco masing-masing sudah menemui Tunku sebelum ini.

Encik Jalaludin berkata, Perdana Menteri gembira dengan pertemuan itu dan selaku Presiden Umno, beliau membayangkan bahawa hasil pertemuan itu akan dimaklumkan kepada ahli Majlis Tertinggi (MT) dalam mesyuaratnya akan datang.

Terdahulu itu, ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir pagi disambut mesra oleh Tunku dan sambil bersalaman mereka bertanyakan khabar.

Ditanya kemungkinan pertemuan seperti itu akan adakan lagi, Encik Jalaludin membayangkan ia mungkin diadakan jika perlu.

Sementara itu, jurucakap Tunku pula berkata, Tunku juga mengesahkan beliau akan hadir di Perhimpunan Agung Umno di PWTC 17 November ini apabila Datuk Seri Dr Mahathir menyampaikan ucapan dasarnya.

Tunku juga akan hadir di majlis sambutan ulang tahun ke-40 Wanita Umno di sebuah hotel di sini pada 15 November.

Menurutnya, Tunku enggan menemui pemberita kerana beliau perlu berehat.